

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

KUiTTHO.(PB)10.12/03.Jld.2(47)

26hb Mei 2001

PEKELILING BENDAHARI BIL.4/2001

Semua Dekan/Ketua Jabatan/Pengarah
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

PINDAAN HAD NILAI PEROLEHAN (Para 2.1.5 Pekeliling Bendahari UTM Bil. 2/2000)

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa Kementerian Kewangan telah menaikkan had nilai perolehan sebutharga/tender berdasarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2/2001. Pihak Universiti telah bersetuju untuk menerima pakai peraturan tersebut mengikut kaedah perolehan seperti berikut:-

A. SEBUTHARGA

Perolehan Bekalan/Perkhidmatan

Nilai	Kaedah Perolehan
1. Tidak lebih RM10,000	Pembelian terus dari pembekal sama ada berdaftar atau tidak tetapi harga berpatutan
2. RM10,000 hingga RM50,000	Sebutharga daripada sekurang-kurangnya 3 syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan bertaraf Bumiputera
3. RM50,001 hingga RM100,000	Sebutharga daripada sekurang-kurangnya 5 syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan bertaraf Bumiputera
4. RM100,001 hingga RM200,000	Sebutharga daripada sekurang-kurangnya 5 syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan.

	Format Sebutharga hendaklah mengikut tender dan sebelum sebutharga dikeluarkan perlu mendapat kelulusan Bendahari.
--	--



Perolehan Kerja-kerja Kecil/Pembaikan

Nilai	Kaedah Perolehan
1. Tidak lebih RM20,000	Lantikan terus di kalangan kontraktor Kelas F yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor
2. ♦ RM20,000 hingga RM100,000	Jadual Kerja Harga Kejuruteraan Awam
	Pemilihan dibuat secara pusingan/undian/sebutharga di kalangan kontraktor Kelas F di daerah terdekat dan berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor.
3. RM20,000 hingga RM200,000	Tiada dalam Jadual Kerja Harga Kejuruteraan Awam
	Dipanggil sebutharga di kalangan kontraktor di daerah terdekat, berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor
4. RM50,000 hingga RM200,000	Kerja-kerja bukan requisition hendaklah dipelawa secara sebutharga

B. ♦ PEROLEHAN TENDER

Tender hendaklah dipelawa bagi semua perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja yang dianggarkan melebihi RM200,000.00 setahun.

Jabatan adalah dilarang memecahkecilkan perolehan bagi mengelakkan perolehan secara tender. ♦ Tindakan surcaj boleh diambil ke atas Pegawai yang bertanggungjawab sekiranya didapati perolehan telah dipecahkecilkan semata-mata untuk mengelakkan pelawaan tender.

Semua permohonan pembelian terus hendaklah dibuat melalui kepada Pejabat Bendahari. Jabatan tidak dibenarkan membuat permohonan ♦ terus kepada Kementerian Kewangan.

Jabatan adalah diingatkan bahawa penentuan spesifikasi tidak boleh menjurus kepada sesuatu jenama atau buatan (model). Sekiranya ini tidak dapat dielakkan, ungkapan atau persamaan hendaklah digunakan. Juga panggilan sebutharga kepada syarikat-syarikat hendaklah dibuat secara **rotational** dan tidak ditumpu kepada beberapa syarikat yang sama sahaja.

C. KUATKUASA DAN PEMBATALAN

Dengan keluarnya pekeliling ini maka had nilai perolehan seperti di para 2.1.5 di dalam Pekeliling Bendahari UTM Bil. 2/2000 dibatalkan.

Peraturan ini berkuatkuasa mulai tarikh pekeliling ini dikeluarkan.

Sukacita sekiranya Dekan/Ketua Jabatan/Pengarah dapat menyampaikan maklumat ini kepada semua kakitangan yang berkaitan.

Terima kasih.

Yang benar

HJ. ABU BAKAR BIN HUSSAIN

Bendahari

b/p Rektor

s.k - Rektor
 - Timbalan Rektor (HEP & P)
 - Timbalan Rektor (Akademik)

